

**KENYATAAN MEDIA**

Embargo: 7.00pm (31 Mei 2024)

**SEDANIA Menjalani Transformasi Strategik**

*Disokong oleh penskalaan dan pengembangan  
Segmen Penjagaan Kesihatan Mampan (Sustainable Healthcare) & FinTech*

**Sorotan Prestasi Utama:**

- Bagi suku berakhir 31 Mac 2024 ("5Q24"), Kumpulan mencatatkan jumlah hasil sebanyak RM14.7 juta, dengan hasil untuk tempoh terkumpul 15M24 pada RM64.1 juta.
- *Kumpulan giat menjalani penjajaran strategik model perniagaannya dan mengukuhkan segmen Penjagaan Kesihatan Mampan (Sustainable Healthcare) berikutan pengambilalihan 51% kepentingan dalam Tanamera Group Sdn Bhd pada November 2023.*
- *Segmen Penjagaan Kesihatan Mampan dan Fintech terus menjadi tonggak utama yang memacu pertumbuhan dan pengembangan serantau Kumpulan, disokong oleh segmen Tenaga Mampan (Sustainable Energy) kami.*

**PETALING JAYA, 31 Mei 2024** - SEDANIA Innovator Berhad ("SEDANIA" atau "Kumpulan") dengan sukacitanya melaporkan keputusan kewangannya bagi Suku Kelima ("5Q24") tahun kewangannya yang berakhir 30 Jun 2024 ("TK2024") kepada Bursa Malaysia hari ini, menandakan satu perempat daripada transformasi ke arah kesiapsediaan bagi pertumbuhan pesat yang dijangka pada masa akan datang.

Bagi tempoh kumulatif 15M24 (iaitu meliputi tempoh dari 1 Januari 2023 hingga 31 Mac 2024), Kumpulan melaporkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3.6 juta dan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (profit after tax and minority interest) sebanyak RM2.0 juta.

Mengulas mengenai prospek bagi suku akan datang, Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA Datuk Azrin Mohd Noor berkata, "SEDANIA Innovator Berhad bersedia untuk pertumbuhan ketara dalam suku akan datang, sempena pelaksanaan inisiatif strategik kami yang akan mengubah model perniagaan kami yang berasaskan kemampuan dan di bawah kepimpinan berkebolehan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan kami yang baharu, Encik Ng Hock Guan.

Kumpulan itu, pada 1 April 2024, mengumumkan pelantikan Ng sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan baharu, menggantikan Encik Daniel Bernd Ruppert. Ng membawa ke SEDANIA latar belakang yang luas dalam bidang penjagaan diri dan kulit dalam industri FMCG pengguna, dengan pencapaian yang baik dalam syarikat multinasional global yang dikira antara syarikat penjagaan kesihatan dan farmaseutikal terkemuka di dunia.

Pengalaman beliau dilengkapi dengan pemahaman mendalam tentang pasaran FMCG di Malaysia, Singapura, kluster ASEAN, dan China, dilengkapi dengan minda keusahawanan dan kebolehan yang mendalam dalam pemikiran analitikal dan perancangan strategik.

"Kami yakin kepimpinan dan pendekatan Ng akan membawa era baharu dalam pertumbuhan dan inovasi kepada SEDANIA. Rekod prestasinya yang mengagumkan dan pendekatan

pemikirannya yang ke hadapan (forward-thinking) adalah sejajar dengan objektif SEDANIA untuk menaiktaraf kesejahteraan keluarga melalui produk and perkhidmatan kami, disamping memastikan kelestarian alam sekitar."

Tambah Datuk Azrin, "Segmen Penjagaan Kesihatan Mampan kami, yang beroperasi di bawah jenama Offspring dan Tanamera, bergerak ke arah pasaran berkepadatan tinggi dan mewah, melalui usaha proaktif dalam meningkatkan kebolehpasaran produk dan penglibatan pelanggan kami.

"Wajar diketengahkan, salah satu langkah utama yang diambil berikutan pengambilalihan Tanamera Group Sdn Bhd pada November 2023 ialah kedudukan strategik jenama Tanamera (beroperasi di bawah Tanamera Tropical Spa Sdn Bhd) sebagai entiti jenama tersendiri yang memasarkan barisan produk penjagaan ibu dan peribadi yang bersifat komplementari kepada barisan produk penjagaan bayi dibawah jenama Offspring kami yang sedia ada.

"Dengan ini, pemerolehan perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi dapat dicapai melalui rangkaian produk penjagaan dan kesihatan kami yang diperluas yang bukan sahaja memenuhi keperluan penting bayi, tetapi juga para ibu. Ini membolehkan kami mensinergikan kedua-dua jenama kami berdasarkan tawaran produk dan tempat jualan, di samping mengukuhkan cara pemasaran kami bersesuaian dengan pengguna, dan akhirnya meningkatkan peratus keuntungan kami.

"Serentak dengan itu, pemerolehan Tanamera Group turut membantu menambah kapasiti pengeluaran kami dari segi perumusan dan reka bentuk produk, perkhidmatan pembuatan secara kontrak (contract manufacturing) untuk produk penjagaan kulit, spa, penjagaan bayi dan ibu, serta suplemen kesihatan yang dikelolakan di bawah FA Herbs Sdn Bhd.

"Dengan memanfaatkan kekuatan Tanamera Tropical Spa dan FA Herbs yang tersendiri secara langsung dapat meningkatkan keupayaan kami untuk memperoleh nilai yang lebih besar dalam rantaian nilai hulu (upstream) dan hiliran (downstream) secara serentak.

"Pada masa yang sama, segmen FinTech kami, di bawah anak syarikat milik penuh kami SEDANIA As Salam Capital, menasar untuk memperluaskan portfolio produk digital patuh Syariah kami seperti JOMHIBAH melalui kerjasama dengan institusi-institusi perkhidmatan kewangan. Selain itu, syarikat bersekutu kami Wasiyyah Shoppe Berhad turut giat memasarkan produk hibah dalam pasaran runcit.

"Kami tetap optimis dengan dan berdedikasi untuk pencapaian kewangan yang positif melalui pelan strategik kami dan pengurusan risiko dalam meningkatkan jenama kami dalam pasaran. Komitmen kami terhadap kelestarian mendorong kami untuk mencipta masa hadapan yang lebih mampan bukan sahaja untuk persekitaran kami malah untuk komuniti kami, berpandukan produk dan perkhidmatan kami yang mementingkan nilai kekeluargaan."

Pengerusi SEDANIA Tan Sri Abdul Halim Ali berkata, "Dalam mengharungi landskap ekonomi global yang dinamik dan sentiasa berubah, SEDANIA Innovator Berhad kekal teguh dalam komitmen kami untuk memupuk pertumbuhan yang mantap dalam semua segmen perniagaan kami.

"Fokus strategik kami untuk suku yang akan datang dalam TK2024 adalah untuk mengukuhkan prestasi segmen Penjagaan Kesihatan Mampan dan FinTech, serta Tenaga Mampan kami, berikutan pengambilalihan Tanamera pada akhir tahun 2023, yang mana akan disusuli dengan

produk dan perkhidmatan baharu yang akan kami perkenalkan kepada pasaran pada bulan-bulan akan datang.

“Juga, tempoh transformatif ikutan perubahan hujung tahun kewangan memberi peluang untuk meningkatkan kecekapan operasi dan memacu model perniagaan yang berlandaskan data. Ini seterusnya membantu pengurusan kos dan margin dengan lebih baik, dan secara langsung memastikan kehematan kewangan (financial prudence) yang lebih baik.

“Kami yakin dengan meningkatkan kehadiran jenama kami di pasaran dan memperluaskan lagi penawaran perkhidmatan kami di saluran-saluran yang strategik, kami akan terus giat memastikan pulangan dan hasil yang lebih baik untuk pihak-pihak berkepentingan kami, terutamanya para pelanggan setia kami.”

#### CATATAN:

##### *Perubahan pada Akhir Tahun Kewangan*

*SEDANIA, dalam satu pengumuman kepada Bursa Malaysia pada suku bertarikh 19 Januari 2023, menyatakan bahawa tahun kewangan semasanya, yang sebelum ini berakhir pada 31 Disember, akan beralih kepada tahun kewangan baharu akhir 30 Jun. Perubahan ini melanjutkan TK2023 semasa dari 1 Januari 2023 kepada 30 Jun 2024, meliputi tempoh 18 bulan. Sebagai sebahagian daripada amalan korporat yang baik oleh Lembaga Pengarah, ini adalah hasil daripada penggiliran Ahli Lembaga Pengarah yang telah lama berkhidmat dan pelantikan Tetuan Baker Tilly Monteiro Heng PLT sebagai Juruaudit Luar Kumpulan, berkuat kuasa 11 Januari 2024, untuk memastikan penambahbaikan berterusan dalam proses audit dan laporan kewangan SEDANIA.*

-TAMAT-

#### **Mengenai SEDANIA Innovator Berhad (“SIB”)**

SIB adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan yang memberi tumpuan kepada perniagaan kearah kelestarian. Sejak disenaraikan pada tahun 2015 di Pasaran ACE Bursa Malaysia, Kumpulan telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada peningkatan kelestarian dan pengurangan pelepasan karbon, menyumbang kepada ekonomi yang lebih hijau.

Kumpulan didorong oleh teras perniagaan utama dalam barangan dan perkhidmatan pengguna mampan, berorientasikan pengguna: **Offspring Inc Sdn Bhd (“Offspring”)**, **Tanamera Group Sdn Bhd (“Tanamera”)**, dan **SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd (“SASC”)**.

**Offspring**, produk kesihatan mampan, menawarkan pelbagai produk lebih dari 170 SKU yang diperbuat daripada bahan mesra alam dan pembungkusan yang boleh didegradasi yang terdapat di tiga benua antarabangsa.

**Tanamera** menetapkan standard dalam penjagaan peribadi premium, semula jadi, dengan mencampurkan tradisi Asia dengan herba tropika ekologi kepada pelanggan yang tahap antarabangsa.

**SASC**, peneraju dalam revolusi kewangan digital, merangkumi hampir 95 institusi perkhidmatan kewangan dengan penyelesaian FinTech inovatif dan Program Pembiayaan GoHalal untuk meningkatkan inklusif kewangan dan kesejahteraan.

Teras utama ini menekankan komitmen teguh SEDANIA terhadap inovasi, kelestarian, dan penyediaan barangan dan perkhidmatan berorientasikan pengguna.

FOR IMMEDIATE RELEASE




***Kami meningkatkan kehidupan secara lestari.***

Sila layari [www.sedaniainnovator.com](http://www.sedaniainnovator.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi dan penawaran servis dan produk kami.

**Untuk sebarang pertanyaan media:**

Dave Pang  
Tel: +603 7880 2001 / +6016 549 2835  
Email: [media@sedaniainnovator.com](mailto:media@sedaniainnovator.com)

 [Sedania Innovator Berhad](#)

 [sedaniainnovatorbhd](#)

 [Sedania Innovator Berhad](#)